

30/01/2001

Malaysia langgan dana IDB

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia bersetuju melanggan Dana Prasarana Islam iaitu dana pelaburan swasta pertama diperkenalkan dalam dunia kewangan Islam, bertujuan menggiatkan projek prasarana di 53 negara anggota Bank Pembangunan Islam (IDB).

Dana Prasarana IDB bernilai AS\$1.5 bilion (RM5.7 bilion) itu, yang beribu pejabat di Manama, Bahrain dan ditubuhkan oleh negara Islam tahun lalu, dijangka beroperasi mulai bulan depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan persetujuan Malaysia untuk melanggan dana itu kepada rakan sejawatannya dari Bahrain, Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa.

Dr Mahathir dan Shaikh Khalifa mengadakan pertemuan selama kira-kira sejam di sini hari ini, diikuti mesyuarat delegasi antara kedua-dua negara. Perdana Menteri Bahrain serta rombongan itu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pagi ini.

Bahrain ialah pusat kewangan utama di kawasan Teluk.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat delegasi itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Kabinet juga sudah meluluskan hasrat kerajaan untuk membuat langganan itu.

"Bagaimanapun, jumlah yang akan dilanggni Malaysia belum diketahui lagi. Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri Bahrain menyatakan keinginannya mahu melihat Malaysia mengambil bahagian dalam dana ini.

"Malaysia bersetuju, cuma soalnya berapa banyak yang boleh kita langgan dalam dana ini belum kita putuskan," katanya.

Penubuhan dana itu diilhamkan oleh IDB tiga tahun lalu untuk merangsangkan usaha kerajaan-kepada-kerajaan membantu negara Islam.

Dana itu mempunyai dua kumpulan iaitu AS\$1 bilion bagi modal ekuiti dan AS\$500 juta sebagai kemudahan pembiayaan menyeluruh untuk menaja jamin dan merangsang amalan kewangan Islam dalam projek yang akan dilaburnya.

Syed Hamid berkata, dengan terbentuknya dana itu, akan wujud tabung prasarana bagi pembangunan di negara Islam.

"Dana ini akan memberi pinjaman bagi tujuan pembinaan prasarana di negara Islam. Sudah pasti ada kesan sampingannya kerana di dalam negara Islam sendiri, memang ada kepakaran untuk turut serta menjayakan projek prasarana.

"Sebab itulah, Bahrain amat berminat untuk melihat penyertaan Malaysia. Kita (Malaysia) pada peringkat Kabinet pun sudah bersetuju," katanya.

Beliau berkata, dana itu akan diwujudkan di Bahrain dan ia bukan projek yang diusahakan oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Sebaliknya, negara Islam bersetuju menubuhkan dana itu secara individu untuk turut serta dengan kerjasama IDB.

(END)